



SIARAN MEDIA

EKONOMI WANITA DIPERKUKUH MENERUSI PELBAGAI PROGRAM DAN INISIATIF KERAJAAN

PULAU PINANG, 16 Jun: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Seri Hajah Nancy Shukri hari ini merasmikan Program Inspirasi Wanita: *Womenpreneurs-Shaping The Future Economy* yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan kerjasama Penang Women's Development Corporation (PWDC).

Program ini dirancang untuk membina *platform* perkongsian ilmu dan aspirasi daripada tokoh-tokoh bidang ekonomi untuk mengajak lebih ramai wanita menyertai sektor tersebut seterusnya meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh serta mampu menyumbang sehingga 6 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

YB Dato' Seri Hajah Nancy Shukri dalam ucapannya berkata Kerajaan sentiasa komited dalam menyediakan ekosistem yang kondusif untuk pembangunan wanita dalam pelbagai bidang. Pelbagai inisiatif, program latihan, dan geran telah disediakan untuk membantu wanita memulakan kerjaya, mengembangkan perniagaan, dan meningkatkan kemahiran dan beliau menyeru golongan wanita untuk memanfaatkan peluang yang diwujudkan sebaik mungkin.

Menurutnya lagi, dalam mendokong agenda pemerkasaan wanita, Kementeriannya telah melancarkan Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) 2025-2030 dengan hala tuju yang jelas bagi pembangunan wanita melalui empat tonggak utama iaitu ekonomi, kepimpinan, keselamatan, dan kesejahteraan.

Untuk tonggak ekonomi, kementerian mensasarkan tiga hasil utama iaitu kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh meningkat kepada 60%; Skor penyertaan profesional wanita meningkat di bawah MCGI atau Malaysian Gender Gap Indeks; dan 1 juta usahawan wanita berdaftar menjelang 2030.

Tema program Inspirasi Wanita “*Shaping The Future Economy*” memfokuskan kepada pentingnya peranan wanita dalam sektor ini yang akan membentuk landskap ekonomi pada masa hadapan. Terdapat pelbagai inisiatif dan program dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang bertujuan meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang ekonomi seperti Program Laman Wanita (LaWa), LaWa On The Go, Program KIRANA dan Wanita Gig@BIT.

Pada masa kini, negara telah melihat peningkatan yang penting dalam pembuatan keputusan iaitu 38.9% jawatan tertinggi dalam sektor awam disandang oleh wanita, manakala perwakilan wanita dalam lembaga pengarah *Public Listed Company* (PLC) pula mencecah 32.2%. Ini merupakan pencapaian yang wajar dirai dan dibanggakan oleh wanita Malaysia.

Turut hadir Ketua Setiausaha KPWK, YBhg. Datuk Dr Maziah Binti Che Yusoff, Ketua Pengarah JPW, YBrs. Puan Hanani Binti Sapit, dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT
16 JUN 2025**